

**Jeffrey dan penyokongnya kebingungan**  
**Malaysiakini.com**  
**November 23, 2010**

Naib presiden PKR Datuk Jeffrey Kitingan mengakui berada dalam "kebingungan" berikutan tindakan bekas anggota Majlis Pimpinan Pusat (MPP) parti itu Datuk Zaid Ibrahim keluar parti.

NONE Jeffrey (kanan, berbaju kelabu) bagaimanapun menafikan andaian pihak akhbar yang beliau akan mengikuti jejak langkah Zaid.

"Saya sedang bercuti hingga hujung tahun ini, saya masih ada masa untuk melihat keadaan - berfikir, menilai dan muhasabah diri," katanya kepada pemberita di Kota Kinabalu.

Jeffrey secara terbuka telah menyokong Zaid dalam pemilihan PKR untuk merebut kedudukan nombor dua parti.

NONE "Kami percaya beliau seorang yang berprinsip. Beliau menyokong aspirasi kami, dalam usaha memulih dan menghormati hak kami (Malaysia Timur)," kata beliau.

Jeffrey berkata: "Kami ingin mempunyai tokoh pada pucuk pimpinan parti yang memahami kedudukan kami di sini, di Sabah".

"Kini beliau telah keluar parti, kami kebingungan sebenarnya. Kami tidak tahu siapa atau boleh mendapat jaminan dari pemimpin (lain PKR) yang mereka menghormati hak Sabah dan Sarawak," katanya.

- Bernama

Copyright © 1999-2007 Mkini Dotcom Sdn. Bhd.  
Source : <http://www.malaysiakini.com/news/148889>